Ruj. Kami : UPM / TNCPI / RMC/1.4.18.1(IACUC)/004
Tarikh : 15 November 2017

Senarai seperti lampiran

YBhg. Prof./Dato./Prof Madya/Dr/Tuan/Puan,

MAKLUMAN MENGENAI PENGUATKUASAAN AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah berkuatkuasa bermula 1 Julai 2017. Adalah dengan ini, Jawatankuasa Institusi Penjagaan dan Penggunaan Haiwan (IACUC) UPM memohon semua pihak yang terlibat dengan penjagaan dan penggunaan haiwan di UPM untuk mengambil maklum penguatkuasaan akta ini. Salinan lembut akta ini boleh dimuat turun dari URL berikut: http://www.mvc.gov.my/doc_downloads/AnimalWelfareAct_AKTA%20772_BM_akta%20772-BM.pdf

2. Seksyen 26 dalam Akta Kebajikan Haiwan 2015 memberikan penerangan mengenai penggunaan haiwan untuk penyelidikan dan pengajaran. Petikan daripada Seksyen 26 menyatakan:

(1) Tiada seorang pun boleh menggunakan haiwan dalam penyelidikan, ujian atau pengajaran melainkan jika-

(a) semua langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan fizikal, kesihatan dan kelakuan haiwan itu diambil menurut Akta ini dan mana-mana perundangan subsidiary yang ditetapkan oleh Menteri;
(b) haiwan tersebut hendaklah menerima, jika boleh dilaksanakan, rawatan yang akan melegakan apa-apa kesakitan atau keperitan yang tidak munasabah atau tidak sepatutnya, apabila haiwan itu sakit atau cedera; atau
(c) apa-apa tahap kesakitan atau keperitan itu dikurangkan seminimum yang mungkin dalam hal keadaan apabila ciri penyelidikan, ujian atau pengajaran itu tidak dapat mematuhi perenggan (a) atau (b).

(2) Tiada seorang pun, kecuali sekolah, boleh menggunakan haiwan untuk penyelidikan, ujian atau pengajaran kecuali ia dilesenkan oleh Lembaga.

(3) Garis panduan berkenaan dengan penyelidikan, ujian atau pengajaran haiwan di sekolah hendaklah menurut mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(4) Tiada seorang pun yang boleh membiakkan mana-mana haiwan untuk digunakan dalam penyelidikan, ujian atau pengajaran melainkan jika diluluskan oleh Lembaga.

(5) Bagi maksud seksyen ini, "sekolah" mempunyai makna yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

(6) Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

3. Sementara menunggu peraturan-peraturan dan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan Negara, JK IACUC UPM menasihatkan semua penyelidik dan pengajar yang terlibat dengan penjagaan dan penggunaan haiwan mendapatkan kelulusan daripada jawatankuasa IACUC UPM. Permohonan boleh dibuat dengan menggunakan borang-borang berkaitan di laman sesawang RMC. Tatacara permohonan, borang-borang dan garis panduan yang berkaitan boleh dimuat turun dari:
http://www.rmc.upm.edu.my/our_services/research_ethic_evaluation/iacuc_institutional_animal_care_and_use_commitee-2723

4. Oleh yang demikian, pihak IACUC UPM menasihatkan semua penyelidik dan pengajar yang menggunakan haiwan supaya mengisytiharkan semua prosedur dan ujian yang akan dilakukan ke atas haiwan dalam borang permohonan bagi mengelak dari disabitkan kesalahan di bawah peruntukan Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang disebutkan di atas.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"BERILMU BERBAKTI"

Yang benar,

PROF. DR. MOHD HAIR BEJO
Pengerusi
Jawatankuasa Institusi Penjagaan dan Penggunaan Haiwan (IACUC)
Universiti Putra Malaysia

s.k:

- YBhg Prof. Dato' Dr. Husaini Omar
  Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

- En. Shahriman Hashim
  Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor
  (Penyelidikan dan Inovasi)

LAMPIRAN

SENARAI EDARAN

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Pertanian

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Perhutanan

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Perubatan Veterinar

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Kejuruteraan

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Pengajian Pendidikan

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Sains

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Ekologi Manusia

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Rekabentuk dan Senibina

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Pengajian Alam Sekitar

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Sekolah Pengajian Siswazah

Dekan
Timbalan Dekan (Penyelidikan)
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPM Kampus Bintulu

Pengarah,
Timbalan Pengarah
Institut Biosains

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Teknologi Maju

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Penyelidikan Matematik

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Penyelidikan Produk Halal

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Pengajian Sains Sosial

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan

Pengarah
Timbalan Pengarah
Institut Kajian Perladangan

Pengarah
Timbalan Pengarah
Pusat Sains Marin, Port Dickson

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM SERDANG/97008 BINTULU